

JENAYAH

Sultan Johor murka mat rempit berlumba depan hospital

Johor Bahru: Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar, murka dengan tindakan kumpulan mat rempit yang terus menjadikan Jalan Pantai Lido di hadapan Hospital Sultanah Aminah (HSA), dekat sini, sebagai medan lumba haram.

Sultan Ibrahim bertitah, baginda menerima banyak aduan khususnya daripada pesakit HSA yang

tidak dapat tidur disebabkan bunyi bising enjin motosikal kerana perlumbaan haram yang kerap berlaku terutama pada lewat malam.

Sehubungan itu, baginda mahu polis mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang terbabit dalam aktiviti itu.

"Berhenti daripada terbabit dalam aktiviti tidak berfaedah ini.

Fikirkan mengenai ketenteraman awam dan pesakit di hospital yang memerlukan rehat secukupnya," titah baginda yang dimuat naik dalam Facebook (FB) rasmi Sultan Ibrahim, di sini, semalam.

Bunyi kuat motosikal

Baginda bertitah, Almarhum anakanda, Tunku Laksamana Johor,

Tunku Abdul Jalil Sultan Ibrahim pernah menyebut dia sukar beradu ketika menerima rawatan di Wad Diraja HSA disebabkan bunyi kuat motosikal.

Sultan Johor menegaskan, keadaan sama dialami menantu baginda, Che' Puan Khaleeda Bustamam ketika melahirkan kedua-dua anakandanya.

"Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail dan isteri tidak dapat beradu pada waktu malam disebabkan gangguan bunyi motosikal yang berlumba dari jam 12 tengah malam sehingga 3 pagi.

"Saya juga mengalami pengalaman yang sama ketika menerima rawatan di Wad Diraja HSA," titah baginda.



Penyembur lada hitam khusus untuk menghalau beruang.



Anggota polis dan bomba menerima rawatan di HKL selepas disembur penyembur lada hitam oleh wanita AS di Mont Kiara, Jalan Dutamas, petang semalam.

Lapan polis, empat bomba disembur pemedih mata

➔ Wanita AS bertindak agresif enggan beri kerjasama kosongkan kediaman

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

✚ Kuala Lumpur

Lapan anggota polis dan empat anggota bomba mengalami pedih mata akibat terkena semburan lada hitam dilepaskan penghuni kondominium dekat Mont Kiara, Jalan Dutamas di sini, petang semalam.

Dalam kejadian jam 4.56 petang itu, sepasukan anggota Balai Bomba dan Penyelamat Sri Hartamas mula-mula ke lokasi terbabit untuk memberi khidmat khas bagi membantu polis memecah pintu sebuah unit kediaman di situ.

Penghuninya enggan memberi kerjasama kepa-

da polis yang menerima laporan pemilik kediaman berkenaan yang mendakwa penyewanya, seorang wanita warga Amerika Syarikat bertindak agresif menyembur mereka dengan penyembur lada hitam.

Difahamkan, pemilik rumah yang juga sepasang suami isteri ke kediaman itu, kira-kira jam 2.30 petang untuk menukar mangga kunci selepas mengarahkan penyewa itu mengosongkan kediaman dan sepatutnya keluar dari situ, kelmarin.

Pedih mata, kulit

Bagaimanapun, ketika cuma membuka pintu, ia disekat dari dalam, sebelum suspek membukanya dan menyembur mereka dengan bahan yang menyebabkan mereka berasa pedih mata dan kulit.

Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner R Munusamy, berkata terkejut dengan tindakan agresif suspek, pemilik rumah akhirnya meminta bantuan polis serta pihak bomba.

"Anggota polis yang tiba mengetuk pintu rumah terbabit, namun mereka turut disembur dengan penyembur berkenaan dan ketika kejadian lima anggota bom-

ba turut berada di situ.

"Empat anggota bomba turut terkena semburan bahan terbabit ketika cuba membantu polis membuka pintu dan mereka semua dikejarkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk pemeriksaan dan rawatan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Berjaya pujuk suspek

Munusamy berkata, sepasukan anggota polis kemudian berjaya memujuk suspek yang akhirnya menyerah diri.

"Suspek berusia 42 tahun itu mengaku menyembur penyembur pemedih mata ke arah anggota polis dan bomba.

"Dia akan direman dan kes disiasat mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan kerana menandatangani kecederaan," katanya lagi yang turut memberitahu perkara itu akan dimaklumkan kepada pihak kedutaan Amerika Syarikat.

Sementara itu, Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khirudin Drahan, memaklumkan empat anggotanya mengalami pedih mata selepas terkena semburan berkenaan yang sepatutnya digunakan menghalau beruang.

Setinggi-tinggi Tahniah

Kepada



DATO' KUMAR YOW
DATIN BAWANI MARIE

Di atas Penganugerahan Darjah Kebesaran
DARJAH INDERA MAHKOTA PAHANG (D.I.M.P.)
Yang Membawa Gelaran DATO'

Oleh

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tunku Mahkota Pahang
Tengku Abdullah Al-Hajj ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah
DK, SSAP, SIMP, DK (Terengganu), DK (Johor), SPWJ, PAT.

Ucapan Tulus Ikhlas Daripada:

Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan dan Kakitangan



SKF SOLUTION SDN. BHD. (465432-X)
SAS CASH SDN. BHD. (1129368-X)
S.A.S. ELTEL SDN. BHD. (587233-A)